

Bagaimana langkah meredakan pasaran menjejas anda?

Langkah terkini meredakan pasaran hartanah yang berkuatkuasa pada 16 Disember, bertujuan untuk mengekang harga rumah privet yang semakin meningkat dan flat jualan semula HDB selain menggalak pengurusan kewangan lebih berhemah dalam kalangan pembeli

CUKAI SETEM PEMBELI TAMBAHAN (ABSD)

ABSD, yang merupakan sejenis cukai yang dikenakan ke atas hartanah yang dibeli, telah dinaikkan

Siapa terjejas:

Warga dan penduduk tetap (PR) yang membeli hartanah kedua dan seterusnya, serta warga asing dan entiti. Berikut menunjukkan perubahannya.

Kadar cukai setem pembeli tambahan lebih tinggi

	Kadar dari 16 Dis
WARGA SINGAPURA	
Membeli hartanah perumahan pertama	0% (Tiada perubahan)
Membeli hartanah perumahan kedua	17% (Naik daripada 12%)
Membeli hartanah perumahan ketiga dan seterusnya	25% (Naik daripada 15%)
PENDUDUK TETAP	
Membeli hartanah perumahan pertama	5% (Tiada perubahan)
Membeli hartanah perumahan kedua	25% (Naik daripada 15%)
Membeli hartanah perumahan ketiga dan seterusnya	30% (Naik daripada 15%)
WARGA ASING	
Membeli sebarang hartanah perumahan	30% (Naik daripada 20%)
ENTITI	
Membeli sebarang hartanah perumahan	35% (Naik daripada 25%) (Serta tambahan 5% bagi pemaju hartanah, yang tidak boleh dihantar pulang wang)

NISBAH BAYARAN PINJAMAN HUTANG (TDSR)

TDSR mengehadkan jumlah yang boleh dibelanjakan seseorang terhadap pembayaran semula hutang bulanan. Mengetatkannya bermakna pinjaman rumah yang lebih rendah bagi peminjam

Siapa terjejas:

Pembeli rumah yang merancang untuk mengambil pinjaman perumahan menghadapi TDSR lebih ketat

55%, turun daripada 60% sebelum ini

Ini bermakna pinjaman perumahan baru tidak boleh menyebabkan pembayaran semula pinjaman bulanan keseluruhan peminjam untuk melebihi 55% daripada pendapatan bulanan mereka.

HAD PINJAMAN KEPADA NILAI HARTANAH (LTV)

Pinjaman HDB diturunkan daripada 90% kepada 85% harga hartanah yang dibeli, justeru mengurangkan jumlah maksimum yang pembeli hartanah berpotensi boleh pinjam daripada HDB.

Siapa yang terjejas:

- Mereka yang memohon bagi flat baru dalam sesi penjualan HDB yang dilancarkan bermula dari 16 Disember. Ini juga bagi pembeli flat jualan semula.
- Had LTV bagi pinjaman yang diraih daripada institusi kewangan untuk membeli flat HDB kekal tidak berubah pada 75%

